

26/03/2004

Majukan pendidikan agenda utama BN Terengganu

Manja Ismail; Zulkofli Jamaluddin

SEBAIK selesai istiadat perisytiharan pelantikannya sebagai Menteri Besar Terengganu dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Istana Maziah pagi semalam, Datuk Idris Jusoh terus menemui ibunya, Fatimah Yusof, 78, di rumah adiknya di Jalan Pusara, Kuala Terengganu, kira-kira setengah jam.

Dalam kesibukan itu, Idris sempat meluangkan masa kira-kira 45 minit untuk menemui Pengarang Eksekutif (Berita) Berita Harian (BH), MANJA ISMAIL dan Ketua Biro Berita Harian Terengganu, ZULKOFI JAMALUDDIN untuk wawancara ini. Idris yang berbaju Melayu hitam tetapi menanggalkan songkok dan sampin, walaupun kelihatan sedikit letih, dengan tenang dan bersemangat menjawab soalan. Berikut ialah wawancara penuh Berita Harian. dengan beliau.

BERITA HARIAN (BH): Tahniah atas kejayaan besar Barisan Nasional (BN) Terengganu pada pilihan raya umum kali ini. Dalam temuramah dengan Berita Minggu pada Mei tahun lalu, Datuk pernah menyatakan keyakinan, malah kelihatan 'terlalu yakin' bahawa BN dapat merampas semula Terengganu. Tetapi apakah Datuk menjangka kemenangannya sebesar ini?

DATUK IDRIS JUSOH (IDRIS): Kemenangan yang dicapai ini ialah sedikit lebih daripada jangkauan, bukanlah dikatakan terlalu di luar jangkauan sebab saya dah mengatakan bahawa insya-Allah, kita akan menang dengan lebih dua pertiga majoriti. Dua pertiga bermakna 22 atau 23 kerusi dan kita mendapat 28. Ini bermakna lebih sedikit daripada apa yang dijangka. Apabila saya kata kita akan menang, mula-mula saya kata pada 2002 lalu, insya-Allah kita menang, bukan saya mengatakan menang dua pertiga. Kita lihat sokongan rakyat terhadap BN makin bertambah dari semasa ke semasa.

BH: Selain faktor Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kelemahan Pas sendiri, apakah yang mendorong kemenangan besar ini?

IDRIS: Memang faktor Pak Lah seorang Perdana Menteri berwibawa yang membuatkan imej kita meningkat begitu baik sekali. Selain itu, pemilihan calon pada saat akhir memberi kelebihan kepada BN.

Calon mustahak kerana di mana-mana pun kita lihat orang mengatakan kemenangan BN banyak bergantung kepada siapakah calon yang akan diketengahkan. Adakah ramai muka baru atau ramai muka lama yang dikekalkan. Ini isu penting sebenarnya. Satu lagi ialah bukan muka lama dan muka baru saja, tetapi kewibawaan calon itu. Kita lihat calon kita kali ini memang hebat, mungkin yang terhebat pernah dikemukakan BN negeri sejak 30-40 tahun lalu.

BH: Berdasarkan keputusan pilihan raya kali ini, walaupun BN menang 28 kerusi, ada tujuh kerusi DUN dan satu Parlimen mencatatkan majoriti kecil bawah 1,000 undi termasuk yang dimenangi Pas. Jika tidak kerana peratus keluar mengundi yang tinggi, keputusannya mungkin berbeza. Apa yang Umno akan lakukan di kawasan ini supaya kedudukannya lebih selesa pada pilihan raya umum akan datang?

IDRIS: Kita akan memastikan wakil rakyat berkhidmat kepada rakyat, wakil rakyat turun padang, wakil rakyat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Sekarang kita sudah ada kerajaan, dulu kita tidak ada kerajaan. Kita perlu bergantung kepada pegawai untuk membantu kita dan wakil rakyat menjalankan tugas dengan baik. Saya yakin sembilan kerusi ini dapat dikekalkan.

BH: Selepas empat tahun ketinggalan, tentu banyak yang perlu dilakukan untuk meletakkan semula Terengganu pada landasan pembangunan sepatutnya. Apakah keutamaan kerajaan negeri?

IDRIS: Saya selalu mengatakan keutamaan saya ialah pendidikan, kedua ialah pembangunan ekonomi supaya dapat menghapuskan kemiskinan dan ketiga ialah pelancongan.

Kita lihat untuk membangunkan ummah, untuk membangun tamadun, Hadhari bermakna tamadun, perlu ada ilmu. Kita tak boleh membangun tamadun tanpa ilmu. Ini selaras dengan wahyu pertama diturunkan Allah, Iqra'...(bacalah)

Jadi tidak boleh salah kalau kita memberi keutamaan kepada ilmu. Terbinanya tamadun Andalusia kerana ilmu. Oleh itu harus utamakan ilmu. Keutamaan pendidikan selaras dengan usaha membasmi kemiskinan dan pembangunan ekonomi.

Pembangunan ekonomi pula akan menjurus kepada usaha membasmi kemiskinan. Untuk membangunkan ekonomi, pembinaan lapangan terbang baru perlu. Semuanya saling berkait. Petani dan nelayan akan dibantu kerana saya percaya apabila Perdana Menteri menyatakan tidak sepatutnya orang mengatakan petani nelayan perlu menjadi miskin.

Dari segi pelancongan, kita di Terengganu mempunyai segala-galanya. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pernah menyebut Terengganu adalah negeri tercantik di Malaysia dengan pantai hampir 300 kilometer dengan pulau-pulau, dengan tasiknya. Kita punya aset pelancongan yang cukup banyak.

Bagaimanapun, kita akan memperkenalkan konsep pelancongan baru yang berasaskan alam semula jadi, budaya tradisional dan warisan. Inilah asasnya.

BH: Tetapi pelancongan juga dikaitkan dengan unsur negatif, dalam konteks pembangkang, boleh meningkatkan maksiat?

IDRIS: Sebab itu kita menekankan unsur-unsur tradisi dan warisan.

BH: Ada permintaan supaya replika penyu di Bulatan Ladang yang menjadi lambang tarikan pelancongan Terengganu tetapi dibuang oleh kerajaan negeri lalu, diletak semula?

IDRIS: Saya akan cuba dapatkan pandangan ramai sebelum membuat keputusan. Ada perkara yang perlu saya dapatkan pandangan ramai. Kita tidak perlu gopoh. Ada perkara yang kita perlu lakukan dengan segera dan ada perkara yang akan dilakukan dalam masa dua tiga bulan.

BH: Sebaik Pas membentuk kerajaan negeri pada 1999, antara tindakan awalnya ialah memecat imam dan bilal yang dianggap penyokong Umno untuk digantikan dengan penyokong Pas. Apakah tindakan kerajaan negeri sekarang mengenai perkara ini?

IDRIS: Kita akan kaji. Sekali lagi, kita tidak perlu gopoh dalam perkara ini. Pendekatan saya ingin melihat budaya kasih sayang dalam pentadbiran bukan budaya benci dan marah, bukan budaya balas dendam.

Apa juga program dan tindakan yang kita lakukan harus berlandaskan konsep ini, bukan balas dendam. Tetapi ada pegawai yang dilantik secara kontrak semata-mata atas dasar politik oleh kerajaan lalu, perlu diteliti. Ini bagi mengelak masalah nanti.

Mereka yang memegang jawatan pelantikan politik secara kontrak ini akan ditamatkan kerana kita takut wujud kemusnahan yang tidak dapat dikawal nanti. Biasanya yang dilantik secara kontrak ini penyokong kuat Pas. Kita tidak terlalu percaya kepada mereka selepas apa yang berlaku sejak empat tahun lalu.

BH: Bagaimana pula dengan Jawatankuasa Syura Rakyat yang diwujudkan oleh kerajaan negeri lalu?

IDRIS: Itu sudah tidak relevan lagi kerana sebelum ini pun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang bekerja. Dia (Pas) bukan lagi kerajaan, kita kerajaan. Kita patut fikir apa yang patut dikekalkan atau tidak.

BH: Datuk, kita sentuh sedikit Undang-undang Hudud Pas. Bekas Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada Oktober tahun lalu pernah berkata,

bahawa rakyat Terengganu yang tidak mengundi Pas adalah penjenayah yang takutkan hukuman undang-undang itu. Apa yang kerajaan Datuk akan lakukan ke atas hukum hudud ala Pas ini?

IDRIS: Saya tidak mahu komen perkara ini kerana hudud masih lagi di mahkamah. Kita perlukan perbincangan apakah pendekatan yang sesuai, kita akan bincang kerana pada prinsipnya Kerajaan Pusat berpendapat, hudud Pas ini tidak ada pada konsepnya. Bukankah Islam itu adil.

Bagaimanapun, dalam konsep enakmen hudud yang dilaksanakan di Terengganu, saya lebih gemar untuk tidak mengatakan sesuatu kerana ia masih pada peringkat mahkamah, boleh memberi kesan kepada perbicaraan yang sedang dilaksanakan.

Apa juga yang dibawa ke mahkamah, begitu juga dengan isu royalti, saya perlu berhati-hati kerana perkara itu masih di mahkamah.

BH: Pemberian Wang Ehsan kemudiannya dinamakan Dana Khas Persekutuan yang mulanya dianggap senjata makan tuan kepada BN, ternyata sebaliknya. Apakah program yang dianggap kurang produktif ini akan diteruskan?

IDRIS: Yang anda nampak wang ehsan ini hanya diberikan kepada fakir miskin. Wang ehsan sebenar amat berkesan. Wang ehsan inilah yang membantu mengurangkan kemiskinan melalui program pertanian. Wang ehsan inilah yang banyak memberi pinjaman kepada peniaga kecil, tetapi masalahnya apabila kita cakap mengenai wang ehsan, ramai menganggap ia hanya wang bantuan raya. Itu tak betul. Ia hanya sebahagian kecil daripada wang ehsan.

Jadi asasnya program wang ehsan akan diteruskan, mungkin caranya berbeza kerana sekarang kita sudah menjadi kerajaan. Ini juga saya perlu bincang dengan Perdana Menteri dan Peguam Negara cara ia dapat dilaksanakan kepada negeri Terengganu.

BH: Sepanjang empat tahun pemerintahan Pas juga, pembalakan menjadi kegiatan utama ekonomi kerajaan negeri sehingga banyak kawasan hutan simpan dibuka dan hutan dara diteroka. Apakah tindakan kerajaan negeri sekarang?

IDRIS: Kita kena nilai kerosakan yang sudah berlaku dan selepas itu baru kita membuat dasar seterusnya.

BH: Apakah kerajaan akan mengurangkan kegiatan sektor ini?

IDRIS: Sudah menjadi kenyataan pembalakan yang dilakukan sejak dua tiga tahun lalu amat merosakkan alam sekitar. Pengurangan (kegiatan pembalakan) akan berlaku. Dasar baru akan dibuat selepas kita melihat aspek kemusnahan di semua kawasan balak. Kita akan kaji sama ada ia selaras dengan dasar Kerajaan Pusat berhubung pembalakan dan pembangunan mapan.

BH: Bagaimana dengan beberapa cukai yang dihapuskan oleh kerajaan Pas dulu?

IDRIS: Saya rasa cukai (pintu dan kediaman) perlu ada kerana kita duduk dalam bandar. Kita perlukan penempatan yang baik, kalau tak nak bayar bagaimana nak membiayai penyelenggaraan. Ini sikap yang tidak baik cuba ditanam oleh setengah parti atau pemimpin. Orang yang baik ialah orang yang memberi, bukan menerima. Mentaliti ini harus diubah. Inilah mentaliti yang Tun Dr Mahathir (Mohamad) katakan beliau belum berjaya mengubahnya.

Kita kena ubah pemikiran orang Melayu. Mereka adalah kumpulan yang boleh memberi, bukan kumpulan yang sentiasa ingin meminta. Bukan banyak sangat. Jika ini akan dijadikan isu untuk kepentingan politik, bolehlah guna tapi saya rasa itu politikal.

Kerana mahu mendapat undi kita mengatakan kita akan menghapuskan cukai tapi ia bukan keputusan yang bijak kerana kita mahukan perkhidmatan yang baik. Insya-Allah kerajaan akan menambah peruntukan untuk memastikan bandar dijaga dengan baik, tetapi dalam masa yang sama perlu ada sumbangan daripada pengguna.

Kalau pengguna langsung tidak menyumbang ke arah kebersihan dan keindahan bandar, saya rasa itu bukan perkara yang adil. Kita tidak boleh

melahirkan masyarakat yang sentiasa meminta. Ini bukan budaya Islam sebenarnya. Orang yang berkata demikian adalah orang yang tidak faham budaya dan konsep Islam itu sendiri. Tidak ada bandar di seluruh dunia yang tidak ada cukai, kecuali Terengganu.

BH: Sepanjang lima penggal BN menerajui Terengganu dulu, disebabkan kawasan pilihan raya Menteri Besar ketika itu di Kemaman, pembangunan di daerah itu amat terserlah sehingga dilihat menyaingi ibu negeri. Kebimbangan kini ialah kemungkinan Datuk akan mencurahkan pembangunan ke Besut, melebihi daerah lain?

IDRIS: Kita akan bersikap adil. Apa juga pembangunan akan dibincang pada mesyuarat Exco, kita akan bersikap adil. Kita akan pastikan di mana ada kemiskinan kita buatlah di tempat itu. Kita akan bincang sebaik-baiknya. Saya bercadang untuk menubuhkan satu pusat penyelidikan strategik untuk negeri Terengganu supaya semua program pembangunan boleh diselidik dengan rapi oleh pusat itu. Ini bermakna perancangan program pembangunan kita akan dapat diselaraskan dengan lebih baik dan tersusun.

BH: Sebahagian besar Exco yang mengangkat sumpah hari ini (semalam) adalah muka baru. Apa harapan Datuk kepada mereka?

IDRIS: Walaupun muka baru, mereka ada kredibiliti. Mereka berwibawa. Sebagai contoh Datuk Mohamad Awang Tera ialah bekas pengurus besar pelabuhan, orang yang memang mampu untuk memberi pembangunan kepada negeri Terengganu.

Dari Dungun pula, Din Adam, seorang pemimpin belia yang mengetahui kehendak belia, yang juga perlu dalam pembangunan negara. Kuala Terengganu mempunyai Wan Hisham (Wan Salleh), bekas Ketua Pemuda Umno Kuala Terengganu, juga orang yang berpendidikan, mempunyai ijazah sarjana dan sedang membuat doktor falsafah. Kita lihat di Besut (Wan Mohamad Wan Hassan), kadi kita pun bukan calang-calang orang juga kerana dia adalah sarjana undang-undang.

Kewibawaan mereka boleh memacu kemajuan negeri Terengganu. Saya tidak meragui kemampuan mereka walaupun baru. Saya yakin kerana saya sudah bekerja dengan mereka.

BH: Semalam Datuk menyebut mengenai kesediaan untuk melantik Timbalan Menteri Besar, jawatan yang sudah lama tiada di Terengganu. Apakah pelantikan itu dari kalangan Exco sedia ada?

IDRIS: Saya bukan kata tetapi saya ditanya adakah kemungkinan itu. Saya jawab mungkin boleh berlaku kalau ia ada dalam enakmen, ia boleh dilantik. Jadi bukan saya yang mencetuskan idea itu. Dalam lain kata ia bukan daripada saya.

Sebenarnya, saya belum fikir perkara itu kerana banyak agenda penting yang harus dilaksanakan dulu.

BH: Bagaimana dengan pelantikan empat wakil rakyat tambahan seperti diperuntukkan Perlembagaan Negeri yang dipinda kerajaan Pas dulu?

IDRIS: Itu kita akan bincang, tak perlu terburu-buru. Saya nak pastikan kita berjalan dan dapat melaksanakan tugas yang harus dilakukan serta merta. Banyak yang ketinggalan dan dirosakkan oleh Pas.